

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 OCTOBER 2016

# Tindakan Dr M cemar kemuliaan institusi Raja-Raja Melayu

BH - 10/10/2016



GAMBAR HIASAN

Majlis Raja-Raja Melayu adalah institusi penting yang melindungi orang Melayu di negara ini.

Pada 4 Mac lalu, Tun Dr Mahathir Mohamad melancarkan Deklarasi Rakyat di Petaling Jaya. Tuntutan utamanya ialah menyokong penyingkiran Datuk Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri menerusi saluran aman dan mengikut undang-undang yang dibenarkan. Pada 27 Mac pula, Dr Mahathir mengakui dalam Kongres Rakyat di Shah Alam bahawa di dalam Perlembagaan Persekutuan, Raja-Raja Melayu tidak ada kuasa menyingkirkan Perdana Menteri dan apa yang beliau cuba lakukan adalah di luar Perlembagaan Persekutuan.

Pada masa sama, beliau berharap Raja-Raja Melayu akan mendengar suara rakyat kerana katanya jika Raja-Raja Melayu mendesak, ada kemungkinan Perdana Menteri boleh disingkir walaupun beliau sendiri tidak tahu apa tindakan yang akan diambil oleh Raja-Raja Melayu. Pada 15 September, Dr Mahathir diperkenalkan mengadap Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, di Istana Anak Bukit, Kedah, bagi menyembahkan tuntutan yang terkandung di dalam Deklarasi Rakyat yang didakwa ditandatangani 1.2 juta rakyat.

Pada 20 September lalu, Najib memaklumkan Yang di-Pertuan Agong menitahkan Deklarasi Rakyat tidak mengikut Perlembagaan Persekutuan, maka baginda tidak boleh mencampuri urusan ini, dan penyingkiran Perdana Menteri sepatutnya diuruskan melalui Parlimen dan pilihan raya.

Pada 5 Oktober lalu, Dr Mahathir bercakap panjang lebar pada sidang media memaklumkan tindakan beliau mengadap Yang di-Pertuan Agong adalah mengikut

Perlembagaan Persekutuan yang kononnya membenarkan baginda berunding dengan mana-mana orang atau kumpulan orang.

**Gagal yakinkan Seri Paduka**  
Walhalnya, Fasal 40(3) Perlembagaan Persekutuan sebenarnya adalah mengenai betapa 'Undang-undang Persekutuan boleh membuat peruntukan bagi menghendaki Yang di-Pertuan Agong bertindak selepas berunding dengan atau atas syor mana-mana orang atau kumpulan orang'.

Dr Mahathir juga menyatakan dalam pertemuan itu beliau gagal meyakinkan Yang di-Pertuan Agong supaya bertindak terhadap tuntutan Deklarasi Rakyat, kata beliau mungkin kerana baginda berpendapat baginda tidak ada kuasa berbuat demikian.

Walaupun apa yang cuba dinyatakan Dr Mahathir, pendedahannya adalah bukti kebenaran pengumuman Najib mengenai titah Yang di-Pertuan Agong bahawa Deklarasi Rakyat tidak mengikut Perlembagaan Persekutuan, maka baginda tidak boleh mencampuri urusan ini.

Berbanding pengakuan Dr Mahathir pada 27 Mac bahawa Raja-Raja Melayu tiada kuasa menyingkirkan Perdana Menteri, beliau kini menyatakan mereka sebenarnya ada kuasa berbuat demikian, tetapi mungkin mereka tidak mendapat nasihat betul, katanya.

Menurut Dr Mahathir, kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk menyingkirkan Perdana Menteri terkandung di dalam Seksyen 29 Jadual Keseluruhan Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan 'Kuasa untuk melantik termasuklah kuasa untuk membuang kerja'. Kasihan sekali melihat Dr Mahathir terpaksa menelan kata-kata

nya sendiri dan menyelewengkan Perlembagaan Persekutuan untuk mencapai matlamatnya, sedangkan pandangan berpunca daripada peguamnya, Haniff Khatri Abdullah, ini telah ditolak oleh pakar undang-undang.

Perkara 43 (4) Perlembagaan Persekutuan adalah sangat jelas mengenai penyingkiran Perdana Menteri kerana ia menyebut 'Jika Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, maka Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri'.

Kata kuncinya ialah 'tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, apa yang mungkin masih boleh dipertikalkan hanyalah soal sama ada perkara ini perlu dibuktikan melalui undi tidak percaya dalam Dewan Rakyat atau juga melalui bukti lain (other extraneous sources)'.  
**Hantar surat rayuan**

Di sebalik kegagalan meyakinkan Yang di-Pertuan Agong, Dr Mahathir memaklumkan menghantar surat rayuan kepada Raja-Raja Melayu yang dijangka bermesyuarat pada esok dan lusa bagi menggunakan kuasa mereka untuk menyingkirkan Perdana Menteri.

Laporan akhbar *Sinar Harian* semalam pula menyebut Dr Mahathir sebagai berkata, dalam Perlembagaan, Majlis Raja-Raja mempunyai kuasa untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong supaya bertindak terhadap Najib, iaitu 'sama ada menamatkan atau mengangut sementara jawatan Najib sebagai Perdana Menteri'.

Begitupun, jika diteliti peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 38(2) menyebut Majlis Raja-Raja Melayu hanya boleh me-

nimbang teliti mengenai dasar negara (misalnya perubahan dasar imigresen) dan perkara lain yang difikirkannya patut.

Pada masa sama, Perkara 38(3) pula menyebut itu adalah antara fungsi dijalankan Yang di-Pertuan Agong mengikut nasihat Jemaah Menteri, dan oleh Raja-Raja yang lain serta Yang di-Pertua Negeri itu mengikut nasihat majlis mesyuarat kerajaan mereka.

Pada sidang media itu juga, dibacakan rayuan Dr Mahathir kepada Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu kononnya rakyat berserah kepada mereka dalam mesyuarat pada 11 dan 12 Oktober ini bagi menunaikan tuntutan Deklarasi Rakyat terhadap Perdana Menteri.

Tidak dapat dibayangkan betapa hipokritnya Dr Mahathir kini, kerana beliau telah ketika membentangkan Rang Undang-Undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993 di Dewan Rakyat pada 18 Januari 1993 menyatakan perkara jauh berbeza mengenai Raja-Raja Melayu. Waktu itu, beliau menepis pendapat bahawa Raja-Raja Melayu diperlukan untuk melindungi orang Melayu.

Inilah ironi kehidupan, Raja-Raja Melayu yang beliau kritik dahululu sekarang cuba diajar mengenai tafsiran Perlembagaan Persekutuan yang kononnya betul dan Mahkamah Persekutuan yang beliau kecam dahululu sekarang beliau minta mereka merujuk.

Kita yakin Raja-Raja Melayu yang arif bijaksana tidaklah senaif itu untuk mengikut segala anjuran insan terdesak seperti Dr Mahathir. Kepada Dr Mahathir pula, ushlah dicemari kemuliaan institusi Raja-Raja Melayu hanya untuk memenuhikan kepentingan peribadi.

## Komentar



**Dr Kamarul Zaman Yusoff**

Felo Utama Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) dan Pengarah Pusat Kajian Politik Malaysia (MAPAN), Universiti Utara Malaysia



Tidak dapat dibayangkan betapa hipokritnya Dr Mahathir kini, kerana beliau telah ketika membentangkan Rang Undang-Undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993 di Dewan Rakyat pada 18 Januari 1993 menyatakan perkara jauh berbeza mengenai Raja-Raja Melayu"